

18 OCT 1997

Khalil-Sokong

RAKYAT PAHANG BERHIMPUN RAMAI-RAMAI SOKONG PERDANA MENTERI

PEKAN, 18 Okt (Bernama) -- Seramai 18,000 orang berhimpun di majlis pelancaran trak buatan Malaysia untuk menyatakan sokongan padu kepada kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad walaupun beliau tidak dapat menghadiri majlis itu.

Dr Mahathir tidak dapat hadir kerana dinasihati doktor supaya lebih banyak berehat bagi membolehkan beliau sembuh cepat daripada demam selsema

Menteri Besar Pahang Tan Sri Khalil Yaakob berkata dalam persidangan berita, di sini, hari ini, mereka sudahpun dimaklumkan semalam mengenai ketidakhadiran Perdana Menteri tetapi mereka tetap datang juga bagi menunjukkan sokongan tidak berbelah-bahagi kepada Dr Mahathir.

Memandangkan kehadiran mereka yang begitu ramai, kerajaan negeri dan DRB-Hicom, penganjur majlis itu menukar majlis pelancaran trak itu kepada "Perhimpunan Pemimpin Bersama Rakyat", katanya.

Sementara itu, Pengerusi Eksekutif DRB-Hicom Datuk Wira Mohd Saleh Sulong yang turut serta dalam persidangan berita itu berkata, berita Perdana Menteri tidak dapat hadir untuk melancarkan trak nasional hanya diketahui awal malam tadi.

Memandangkan Dr Mahathir begitu banyak berjasa dan memainkan peranan penting dalam pertumbuhan pesat DRB-Hicom, pengurusan kumpulan itu berpendapat pelancaran trak nasional perlu ditangguhkan kepada suatu tarikh lain bagi membolehkan Perdana Menteri sendiri melakukannya, kata beliau.

DRB-Hicom, merupakan pembuat trak nasional itu melalui anak syarikatnya, Malaysian Truck and Bus Sdn Bhd (MTB). Turut hadir dalam majlis itu ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Fauzi Abdul Rahman, yang juga anggota Parlimen Kuantan.

Khalil berkata, ia merupakan isyarat jelas kepada media dan pengurus dana asing yang menyerang ekonomi Malaysia bahawa bukan sahaja rakyat Pahang, malahan rakyat seluruh negara ini, tidak perlu dipaksa untuk menyatakan sokongan kepada Perdana Menteri.

"Saya akan sampaikan kepada Perdana Menteri sokongan padu yang diberikan rakyat Pahang kepada beliau untuk terus menerajui negara ini. Saudara semua telah lihat sendiri begitu ramai yang datang dan kami sendiri (kerajaan negeri dan DRB-Hicom) terperanjat kerana menyangkakan hanya beberapa ribu sahaja yang mungkin datang selepas mengetahui Perdana Menteri tidak dapat hadir," kata Khalil lagi.

AH PR